3 pelancong Perancis sesat di Gunung Berembun

Oleh RoselanAb Malek - Mac 18, 2022 @ 8:23pm

bhnews@bh.com.my

Tiga pelancong Perancis yang sesat di Gunung Berembun, ditemui selamat. - FOTO JBPM.

CAMERON HIGHLANDS: Tiga pelancong dari Perancis termasuk dua wanita yang tersesat di Gunung Berembun, dekat sini, sudah diselamatkan.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Ismail Abdul Ghani, berkata pihaknya menerima panggilan daripada mangsa pada jam 4.56 petang tadi.

Sehubungan itu, katanya, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Cameron Highlands dan lima kakitangan Pejabat Hutan Cameron Highlands bergegas ke lokasi kejadian dan memulakan operasi mencari dengan mendaki gunung terbabit ke lokasi mangsa tersesat.

"Mereka bertiga dikatakan sesat di Gunung Berembun, di antara 'trail' 7 dan 'trail' 8. Mangsa meminta bantuan pihak bomba untuk mencari dan menyelamatkan mereka," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Katanya, operasi menyelamat sedang dijalankan, manakala Pasukan Khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat Malaysia (STORM) dan Pasukan Multi-Skill Team (MUST) juga dalam keadaan bersedia untuk memberi bantuan.

"Ketiga-tiga mangsa telah dijumpai oleh pendaki lain yang kebetulan lalu di trek sama dan telah dibawa turun ke Robinson Fall," katanya.